



## **Menangani “Haze-zilla” Sebelum “Godzilla El Niño” Melanda**

Salam sejahtera YB Datuk Seri Arthur Joseph Kurup,

Pada tahun ini, para saintis telah memberi amaran bahawa fenomena **"Godzilla El Niño"** akan meningkatkan risiko kemarau, kebakaran hutan dan jerebu rentas sempadan di seluruh Asia Tenggara. Beberapa tahun lalu, Greenpeace Malaysia telah melancarkan kempen **"Haze-zilla"** bagi menonjolkan bagaimana kemusnahan tanah gambut dan amalan penggunaan tanah yang tidak mampan menyumbang kepada krisis jerebu. Kini, perubahan iklim dijangka akan memburukkan lagi cabaran tersebut.

Jerebu bukan sekadar isu alam sekitar, tetapi juga merupakan krisis kesihatan awam, beban ekonomi dan ancaman kepada kesejahteraan jutaan rakyat Malaysia. Setiap episod jerebu memberi kesan kepada berjuta-juta rakyat melalui peningkatan penyakit pernafasan, gangguan persekolahan, penurunan produktiviti serta peningkatan kos penjagaan kesihatan.

Kami mengalu-alukan usaha Kementerian terhadap langkah kesiapsiagaan awal, penyelarasan antara agensi, pencegahan kebakaran tanah gambut dan langkah kesiapsiagaan yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan (JIJCKK) yang pertama pada 15 Jun 2026. Usaha-usaha ini merupakan langkah penting ke arah mengurangkan risiko jerebu dan melindungi kesihatan rakyat. Sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, kepimpinan YB mampu membantu Malaysia membuat persediaan yang lebih kukuh untuk menghadapi cabaran ini serta mengurangkan impaknya. Sehubungan itu, kami ingin mengemukakan cadangan tambahan bagi memperkukuh usaha ini.

### **Melindungi Tanah Gambut: Mencegah Jerebu di Puncanya**

Salah satu kaedah paling berkesan untuk mencegah jerebu ialah dengan melindungi dan memulihkan tanah gambut. Tanah gambut yang sihat mengurangkan risiko kebakaran, menyokong kepelbagaian biologi serta menyimpan sejumlah besar karbon. Sebaliknya, tanah gambut yang merosot menjadi sangat mudah terbakar, terutamanya ketika musim kemarau, sekali gus menghasilkan asap yang menjejaskan jutaan penduduk.

Melindungi dan memulihkan tanah gambut merupakan keutamaan dari sudut kesihatan awam, tindakan iklim dan ekonomi kerana ia membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau serta memperkukuh simpanan karbon semula jadi. Kami menyambut baik usaha Kementerian dalam memperkukuh perlindungan dan pemulihan tanah gambut, khususnya di kawasan yang berisiko tinggi mengalami kebakaran ketika musim kering berpanjangan. Pada masa yang sama, sistem pengesanan kebakaran hutan yang lebih cekap serta pemantauan berterusan di kawasan berisiko perlu diperkasakan bagi memastikan pengesanan awal dan tindak balas pantas, sekali gus meminimumkan kerosakan.

## Menggubal Akta Udara Bersih bagi Menangani Jerebu Rentas Sempadan

Seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam [laporan Hak kepada Udara Bersih](#)<sup>1</sup>, Malaysia perlu menggubal sebuah Akta Udara Bersih yang komprehensif bagi menangani pencemaran udara rentas sempadan. Undang-undang sedemikian boleh memastikan rakyat Malaysia dan syarikat-syarikat Malaysia dipertanggungjawabkan sekiranya operasi mereka di luar negara menyumbang kepada pencemaran jerebu, sekali gus menghalang amalan tidak bertanggungjawab yang meningkatkan risiko kebakaran serta mengukuhkan keyakinan awam bahawa tanggungjawab terhadap alam sekitar merentasi sempadan negara.

Malaysia sebelum ini telah mengakui bahawa [undang-undang alam sekitar yang merangkumi aktiviti rentas sempadan adalah sesuatu yang boleh dilaksanakan](#)<sup>2</sup>. Kini merupakan masanya untuk membina asas tersebut dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi merealisasikannya.

## Memperkukuh Amalan Perniagaan yang Bertanggungjawab

Krisis jerebu juga merupakan isu akauntabiliti korporat dan tadbir urus. Beberapa syarikat yang mempunyai kepentingan Malaysia dan beroperasi di rantau ini pernah berdepan penelitian berhubung aktiviti yang dikaitkan dengan kemerosotan tanah gambut serta peningkatan risiko kebakaran.

Keadaan ini menekankan kepentingan tadbir urus alam sekitar yang kukuh dan akauntabiliti di sepanjang rantai bekalan. Malaysia boleh menunjukkan kepimpinan serantau dengan menggalakkan amalan perladangan yang bertanggungjawab serta memastikan syarikat-syarikat yang mempunyai kaitan dengan Malaysia mematuhi piawaian alam sekitar yang tertinggi di mana sahaja mereka beroperasi. [Langkah-langkah akauntabiliti yang kukuh](#)<sup>3</sup> bukan sahaja mampu meningkatkan keyakinan awam dan pasaran, malah memperkukuh reputasi Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar yang bertanggungjawab dan mampan di peringkat global.

## Memperkasa Hak Alam Sekitar di ASEAN

Walaupun Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan kekal sebagai satu kerangka penting, usaha yang lebih menyeluruh masih diperlukan bagi menangani episod jerebu yang berulang.

Malaysia boleh terus memainkan peranan yang konstruktif dalam memperkukuh hak alam sekitar, kerjasama serantau dan akauntabiliti di seluruh Asia Tenggara. Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia serta Pelan Tindakan Kesihatan

---

<sup>1</sup> SUHAKAM, *Silent Enemy: Report on Haze Pollution & the Right to Clean Air*, 2024 available at <https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2024/09/SUHAKAM-Report-on-Haze-Pollution-Right-to-Clean-Air.pdf>

<sup>2</sup> Reuters, *Malaysia says cross-border air pollution law still possible*, 7 November 2023 available at <https://www.reuters.com/world/asia-pacific/malaysia-drops-plans-proposed-transboundary-haze-pollution-bill-2023-11-07/>

<sup>3</sup> Greenpeace Southeast Asia, *ASEAN Haze 2019: The Battle of Liability*, 1 November 2019 available at [https://www.greenpeace.org/southeastasia/press/3221/asean-haze-2019-the-battle-of-liability/?gp\\_anonymous\\_id=bf a1c6cf-58e0-4c1c-b8a8-e5ec321954e4&utm\\_utm\\_campaign=energy&utm\\_utm\\_source=youtube&utm\\_utm\\_medium=organic&utm\\_utm\\_term=yt-post&utm\\_utm\\_content=clean-energy-petition](https://www.greenpeace.org/southeastasia/press/3221/asean-haze-2019-the-battle-of-liability/?gp_anonymous_id=bf a1c6cf-58e0-4c1c-b8a8-e5ec321954e4&utm_utm_campaign=energy&utm_utm_source=youtube&utm_utm_medium=organic&utm_utm_term=yt-post&utm_utm_content=clean-energy-petition)

Planet Kebangsaan meletakkan Malaysia di landasan yang tepat. Memperkukuh inisiatif-inisiatif ini akan membantu mencegah kemudaratan alam sekitar rentas sempadan, meningkatkan akauntabiliti korporat dan melindungi masyarakat dengan lebih berkesan daripada pencemaran serta kemerosotan ekologi.

## **Melangkah ke Hadapan**

YB Menteri,

Krisis jerebu rentas sempadan telah berlarutan terlalu lama. Generasi akan datang berhak menikmati langit yang bersih, alam sekitar yang sihat dan kehidupan yang lestari, bukannya terus berdepan musim jerebu yang berulang saban tahun. Bertahun-tahun dahulu, kita telah memberi amaran mengenai ancaman **Haze-zilla**. Hari ini, perubahan iklim berpotensi mengubah cabaran tersebut menjadi fenomena "**Godzilla El Niño**" yang jauh lebih dahsyat.

Hakikatnya, banyak penyelesaian telah pun dikenal pasti. Apa yang diperlukan sekarang ialah tindakan yang tegas untuk melaksanakannya. Persoalannya bukan lagi sama ada musim jerebu akan berulang, tetapi sama ada kita bertindak cukup awal untuk mengurangkan kesannya terhadap rakyat, komuniti dan alam sekitar.

Dengan melindungi kesihatan awam, memelihara hutan dan tanah gambut serta memperkukuh akauntabiliti alam sekitar, Malaysia mampu memastikan masa depan yang lebih bersih, lebih sihat dan lebih berdaya tahan untuk semua.

Masa untuk bertindak ialah sekarang, sebelum krisis jerebu yang seterusnya melanda.

Terima kasih.

**Heng Kiah Chun**

Wakil Negara

Greenpeace Malaysia